# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
## ISNIN 13 MEI 2024

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1. | TIDAK TANAM BAWANG SEBAB KOS LEBIH TINGGI, NEGARA, KOSMO -6 | JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA) |
| 2. | GEMPAR RIBUAN IKAN, UDANG GALAH MATI DI SUNGAI IBOK, NEGARA, KOSMO -14 | LAIN-LAIN |
| 3. | RIBUAN KAN DARAT DITEMUKAN MATI, DALAM NEGERI, UM -35 | |
| 4. | 'KAMI BIMBANG SEMUA TANAMAN MATI', NEGARA, KOSMO -16 | |
| 5. | CARI LEMBU SEJAK AWAL MAC LALU, LOKAL, HM -21 | |

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 13/5/2024 | KOSMO | NEGARA | 6 |



PENANAMAN bawang merah di kawasan seluas satu hektar di Kuala Bikam, Batang Padang, Perak pada 24 Januari lalu.

Program rintis tanaman itu telah bermula 2005

# Tidak tanam bawang sebab kos lebih tinggi

**PETALING JAYA** – Program Pembangunan Tanaman Bawang tidak dilaksanakan lebih awal di negara ini disebabkan ketika itu harga bawang lebih murah diimport berbanding membuat penanaman sendiri.

Pengarah Bahagian Pengembangan Pertanian, Jabatan Pertanian, Johari Abdullah berkata, pihaknya telah memulakan projek rintis penanaman bawang pada tahun 2005.

"Pada masa itu harga bawang di pasaran dilihat lebih murah berbanding kos untuk menanam dalam negara.

"Pada 2022, negara mengimport pelbagai jenis bawang sebanyak 685,400 tan metrik dengan nilai RM1.5 bilion dari beberapa negara seperti India, Belanda, China, Pakistan, Thailand serta lain-lain negara," jelasnya dalam temu bual melalui saluran YouTube Jabatan Pertanian semalam.

Tambah Johari, jumlah import bawang tertinggi untuk memenuhi keperluan negara adalah dari India iaitu sebanyak 320,000 tan metrik.

"Pengimportan tersebut direkodkan pada tahun 2022 sebelum sekatan eksport bawang dari negara pengeluar bawang terbesar dunia itu," katanya.

Menurut beliau lagi, maklumat terkini pada 4 mei yang lalu, India telah mengeluarkan satu notis kepada pengimport bawang bahawa pengeksportan bawang boleh dilakukan tetapi pada kadar yang agak tinggi iaitu AS$550 per tan metrik. Ia satu nilai yang tinggi berbanding tahun-tahun sebelumnya.

"Jadi kerajaan telah mengambil satu langkah bagi menjamin bekalan bawang dalam negara dengan melaksanakan projek penanaman bawang berskala prakomersial yang dilaksanakan oleh Jabatan Pertanian dan Lembaga Pertubuhan Peladang," tambah

Terdahulu projek rintis seluas satu hektar di Kampung Ladang Bikam, Sungkai, Perak telah memberikan hasil pengeluaran 2.3 tan untuk tuaian kali pertama.

Penanaman itu menggunakan varieti bawang merah BAW-1 yang dihasilkan oleh Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 13/5/2024 | KOSMO | NEGARA | 14 |

# Gempar ribuan ikan, udang galah mati di Sungai Ibok

**KEMAMAN** – Penduduk Kampung Ibok, di sini, gempar apabila menemukan ribuan ikan mati di Sungai Ibok sejak Jumaat lalu.

Pelbagai ikan dan hidupan air tawar seperti lampam, temperas, terbol, tapah dan udang galah tersebut ditemui terapung di permukaan sungai berkenaan sejak pukul 7 malam hari tersebut.

Seorang penduduk, Ahmad Sanadi Kassim, 54, berkata, setakat ini punca kematian ribuan ikan terbabit masih belum diketahui.

"Ini pertama kali ikan mati dalam kuantiti banyak di Sungai Ibok sehingga menimbulkan tanda tanya dalam kalangan kami penduduk.

"Ia kerugian besar terutama kepada nelayan darat tempatan memandangkan kebanyakan ikan-ikan yang mati itu bernilai tinggi di pasaran," katanya ketika ditemui semalam.

Seorang lagi penduduk, Amir Mazlan, 43, berkata, Sungai Ibok juga merupakan antara lubuk kegemaran pemancing di daerah ini.

Katanya, kematian ribuan ikan juga telah menyebabkan pencemaran bau busuk yang merimaskan penduduk perkampungan tersebut.

Sementara itu, Pengarah Perikanan Terengganu, Ruzaidi Mamat berkata, pihaknya telah bergegas ke lokasi tersebut sebaik menerima maklumat daripada penduduk kampung.

Beliau berkata, siasatan kematian ikan di Sungai Ibol itu dilakukan bersama Jabatan Alam Sekitar (JAS).

"Setakat ini sampel air telah diambil untuk dianalisis di makmal bagi tindakan lanjut," katanya.



PENDUDUK mengutip ikan-ikan yang mati di Sungai Ibok, Kemaman semalam.



SEBAHAGIAN daripada ribuan ikan yang mati di Sungai Ibok, Kemaman.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 13/5/2024 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 35 |

# Ribuan ikan darat ditemukan mati

**Oleh NIK NUR IZZATUL HAZWANI NIK ADNAN**
utusannews@mesiamulia.com.my

**KEMAMAN:** Penduduk di sekitar Kampung Ibok, dekat sini, gempar dengan penemuan ribuan ikan darat yang ditemukan mati dan terapung di Sungai Ibok, di sini, sejak petang kelmarin.

Tinjauan di sekitar sungai itu mendapati pelbagai jenis ikan termasuk lampam dan temperas, terbol, udang galah dan tapah mati terapung dan keadaan sungai yang sering menjadi tumpuan pemancing itu juga berbau busuk.

Seorang daripada penduduk, Ahmad Sanadi Kassim, 54, berkata, kejadian itu pertama kali berlaku di sungai tersebut dan kematian ikan serta hidupan sungai itu masih menjadi tanda tanya.

"Penemuan bangkai ikan ni memang mengejutkan rata-rata penduduk sebab jumlahnya terlalu banyak. Tak pernah berlaku seperti ini sebelum ini.

"Kita minta pihak bertanggungjawab untuk menyiasat punca ikan ini mati, adakah sebab pencemaran ataupun disebabkan cuaca atau sebaliknya," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Seorang lagi penduduk, Amir Mazlan, 43, berkata, kematian ikan tersebut sedikit sebanyak akan menjejaskan pendapatan penduduk terutamanya nelayan sungai yang bergantung kepada hidupan sungai.

"Kalau ikutkan memang membazir sebab ikan sungai ini bermutu tinggi dan pelbagai spesies dan saiznya juga ada yang besar.

"Bukan hanya nelayan sungai, tapi pemancing juga rugi sebab tak dapat memancing di sini," katanya.

Sementara itu Pengarah Jabatan Perikanan negeri, Ruzaidi Mamat berkata, pihaknya telah menerima laporan berkenaan kejadian kira-kira pukul 7 petang kelmarin.

"Pihak kami telah turun melakukan siasatan bersama pihak Jabatan Alam Sekitar di lokasi kejadian. Pihak JAS telah mengambil sampel air sungai dan ikan bagi tindakan lanjut untuk mengenal pasti punca kejadian," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 13/5/2024 | KOSMO | NEGARA | 16 |

Pekebun di Pantai Timur mengeluh air tadahan untuk pertanian hampir kering

# 'Kami bimbang semua tanaman mati'




Oleh NOOR HAYATI MAMAT dan ROHANA ISMAIL

**HULU TERENGGANU** – Penduduk yang mengusahakan tanaman pelbagai jenis sayur di Kampung Padang Setebu di sini, mula dihimpit kebimbangan apabila dua kolam yang menjadi sumber air bagi kebun mereka hampir kering.

Abdul Aziz Abd Rahim, 52, berkata, dua kolam tersebut digunakan untuk keperluan air bagi kebun sayur-sayuran seluas 0.8 hektar yang diusahakan bersama dua adiknya, Mohd. Razali, 45, dan Mohd. Ridhwan, 39, sejak setahun lalu.

"Setiap kolam adalah sedalam tiga meter bagi kegunaan tanaman timun, kacang panjang, terung, cili api dan bendi.

"Bagaimanapun, dua kolam berkenaan hampir kering sejak seminggu lalu berikutan cuaca panas yang melanda negeri ini," katanya ketika ditemui *Kosmo!* di kebun sayurnya di Kampung Padang Setebu semalam.

Abdul Aziz berkata, sebagai alternatif, dia terpaksa mendapatkan sumber air dari alur Sungai Tersat yang terletak kira-kira 400 meter dari kebun mereka.

Jelas beliau, tindakan itu menyebabkan dia perlu membelanjakan kira-kira RM1,000 bagi memasang paip bagi penyaluran air ke kebun sayurnya dari sungai berkenaan.



**KEADAAN sebuah kolam tadahan air yang hampir kering sehingga menjejaskan tanaman pelbagai jenis sayur yang diusahakan pekebun di Kampung Padang Setebu, Hulu Terengganu semalam.** – NOOR HAYATI MAMAT



**ARIFFIN menunjukkan pelepah kelapa yang kering disebabkan kemarau di kebunnya di Kampung Tok Rusa Meranti, Pasir Mas semalam.** – ROHANA ISMAIL

"Kebun sayur kami perlu disiram lebih kerap pada musim panas ini bagi menggelakkan gangguan tumbesaran.

"Saya harap sumber air dari sungai dapat digunakan sehingga berakhirnya musim kering pada Julai depan," katanya.

Di **Pasir Mas, Kelantan**, nasib sama turut dialami seorang pekebun yang bimbang dengan tanaman kira-kira 500 pokok kelapa yang diusahakan di Kampung Tok Rusa Meranti.

Ariffin Awang Chik, 63, berkata, pokok kelapa pandan tidak dapat mengeluarkan buah apabila mayangnya menjadi kering serta pelepah patah akibat panas melampau.

"Pokok kelapa perlu disiram setiap hari menggunakan air telaga.

"Disebabkan kemarau panjang, tiga telaga kering sehingga terputus sumber air," katanya.

Menurutnya, meskipun masih ada satu sumber air telaga tiub, ia masih tidak mencukupi untuk menyiram tanaman di atas tanah seluas dua hektar kerana kedudukannya yang jauh.

"Tanah-tanah di kawasan ini juga merekah dan daun pokok kelapa menjadi kering.

"Sedih melihat tanaman ini yang terbantut pembesaran akibat kemarau panjang," ujarnya.

Menurutnya, jika tiada bekalan air dalam masa terdekat, pokok-pokok kelapa yang ditanam itu akan mati.

"Saya cuba gali telaga baharu untuk mendapatkan sumber air bagi selamatkan tanaman ini yang diusahakan sejak empat tahun lalu.

"Saya berharap ada bantuan daripada pihak Jabatan Pertanian kerana buntu melihat keadaan pokok-pokok kelapa yang hampir mati," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 13/5/2024 | HARIAN METRO | LOKAL | 21 |

# Cari lembu sejak awal Mac lalu

**Umat Islam mula buat tempahan haiwan ternakan untuk ibadah korban selepas seminggu Aidilfitri**

Oleh Mohammad Khairil Ashraf Mohd Khalid
khairil.ashraf@hmetro.com.my

**Sepang**

Walaupun Aidiladha disambut pertengahan Jun ini, orang ramai mula menempah lembu korban.

Penternak, Mohd Ariff Shamshul, 33, berkata, tempahan lembu korban diterimanya sehingga kini amat menggalakkan dan ia bermula seminggu selepas umat Islam menyambut Aidilfitri.

Katanya, daripada 48 lembu sedia ada, kini hanya berbaki 10 lembu yang belum ditempah.

"Harga jualan lembu kekal dan tiada peningkatan sejak tiga tahun lalu.

"Harga bermula sekitar RM4,800 seekor sehingga RM7,500, bergantung kepada berat," katanya ditemui di ladangnya di sini, semalam.

Katanya, dia mengekalkan harga sama atas faktor turut menanam rumput untuk makanan lembu.

"Penternak kena banyak tanam rumput. Kalau tak tanam rumput, kita harapkan dedak sahaja, kos tinggi sekali gus harga lembu jadi semakin mahal," katanya.

Menurutnya, lembu dijual mendapat tempahan di kawasan sekitar Shah Alam, Sepang, Nilai dan Seremban di Negeri Sembilan.

Seorang lagi penternak, Mohd Zakri Mohd Sali, 28, menyatakan dia mula mendapat tempahan lembu korban sejak Mac lalu.

Katanya, daripada 35 lembu diternak, enam saja belum ditempah.

"Individu menempahnya datang dari sekitar Sungai Besi, Puchong, Bangi, Kajang dan Nilai di Negeri Sembilan.

"Harga seekor lembu korban bermula RM4,500 sehingga RM7,800, bergantung kepada berat," katanya.

Dia berkata, bagi lembu berharga RM4,500, beratnya dianggarkan 230 hingga 240 kilogram (kg).

**"Penternak kena banyak tanam rumput. Kalau tak tanam rumput, kita harapkan dedak sahaja, kos tinggi sekali gus harga lembu jadi semakin mahal"**




MOHD Ariff

MOHD Zakri menerima tempahan 29 lembu untuk ibadah korban tahun ini.